

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1992/1993

April 1993

SPU308 - Politik Wilayah-Wilayah Pilihan

Masa: (3 jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi dua muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TIGA (3) soalan sahaja. SATU (1) dari Bahagian A dan DUA (2) dari Bahagian B.

Bahagian A (40 markah)

Jawab Soalan 1 atau Soalan 2.

1. Bincangkan peranan tentera pada tahun 1970an hingga sekarang dalam TIGA negara Asia Tenggara. Huraikan kesamaan dan berikan alasan-alasan untuk perbezaan antara kes-kes pilihan anda.

(40 markah)

2. Sistem demokrasi-liberal Barat yang diwujudkan pada waktu kemerdekaan (ataupun dalam kes negara Thai selepas Perang Dunia Kedua) semakin diketepikan pada tahun-tahun berikut. Apakah pendekatan neo-modernisasi atau ekonomi-politik lebih berguna sebagai penjelasan untuk perubahan tersebut?

Dalam jawapan anda mesti rujuk kepada TIGA negara Asia Tenggara.

(40 markah)

...2/-

Bahagian B (60 markah)

Jawab **DUA** (2) soalan sahaja.

3. Mengapakah sistem dwi-parti yang berlarutan di Filipina antara 1946-1972 begitu mudah saja digantikan dengan sistem pemerintahan perseorangan pada 1972?
(30 markah)

4. Jelaskan bagaimana unsur-unsur budaya tradisi mempengaruhi proses politik di negara Thai pada waktu pemerintahan Sarit Thanarat. Sejauhmanakah unsur-unsur budaya tradisi ini masih mempengaruhi proses politik di negara Thai pada tahun 1970an dan 1980an?
(30 markah)

5. Adakah rejim Orde Baru Suharto merupakan sebuah "negara birokratik-autoritarin bercorak rentier" sepetimana ditegaskan oleh Arief Budiman? Sejauhmana kemunculan kelas menengah baru mungkin memerlukan pindaan dibuat ke atas hujah Arief Budiman?
(30 markah)

6. Jelaskan faktor-faktor yang menyumbang ke kejayaan Singapura sebagai sebuah negara perusahaan baru (NIC).
Kononnya Singapura telah mengalami satu "revolusi perindustrian kedua" juga sejak tahun 1980an. Apakah dimaksudkan dengan revolusi ini? Dan apakah kesan-kesan sosial dan politiknya?
(30 markah)